

Warta Warisan

ورتا واریشن



Majlis Perbandaran Klang

Bil. 01/2023

Jilid 3

Januari 2023

Naskah Percuma



IMBAS SAYA!

Akan datang..



Nantikan..



23 November Pengisytiharan Bandaraya

Klang, 31 Januari 2023 – Hasrat bandar Klang untuk mencapai status bandar raya bakal tercapai pada 23 November depan menurut Yang Dipertua Majlis Perbandaran Klang (MPK), TPr Hajah Noraini Roslan.

Beliau berkata keutamaan MPK kini adalah untuk mencapai status Bandaraya Idaman dengan memperkuuh budaya kerjanya.

“Perkhidmatan asas seperti kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam, penyelenggaraan infrastruktur, pengindahan landskap dan penguatkuasaan perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa,” katanya ketika mempengerusikan Mesyuarat Majlis MPK Bil. 1/2023 hari ini.

Noraini berkata MPK akan memberi tumpuan kepada pembinaan bandar yang boleh didiami tertumpu kepada pemerkasaan masyarakat yang bermatlamatkan perpaduan dan membina satu masyarakat yang bertamadun.

“Saya ingin mengingatkan semua kakitangan MPK supaya mengubah cara kita bekerja dan tingkatkan kualiti kerja agar status bandar raya untuk Klang tercapai,” katanya lagi.

Kandungan

Berita

| | |
|---------------------------------------|---|
| Projek Bandar Warisan Pintar Klang | 3 |
| Amanat Tahun Baharu Yang Dipertua MPK | 4 |

Jejak Silat Klang

| | |
|-----------------------|---|
| Silat Kombat Selangor | 6 |
|-----------------------|---|

Rencana

| | |
|---|---|
| Diskusi Logo Bandaraya Diraja Klang | 8 |
| Diskusi Projek Penulisan Buku Warisan Diraja Selangor | 8 |

Jejak Warisan Bandaraya Diraja Klang

| | |
|------------|---|
| Pengenalan | 9 |
|------------|---|

Asal Usul

| | |
|--------------------|----|
| Klang (Bahagian 1) | 10 |
|--------------------|----|

Laman Jawi

| | |
|--|----|
| Surat Sultan Selangor kepada Francis Light berkaitan urusan Haji | 11 |
|--|----|

Kenali Warisan

| | |
|---|----|
| Cawangan Repositori dan Pengembangan Jabatan Warisan Negara | 12 |
|---|----|

Sidang Redaksi

Penaung

YBrs. TPr. Hajah Noraini binti Roslan S.I.S, P.P.T.



Penasihat

Norfiza binti Mahfiz

Nor Haslinah binti Mohamed Jaafar

Kurator / Pengarang / Editor / Penyelidik

Faisal bin Dato' Haji Surani

Penolong Kurator / Pengarang / Pembantu Tadbir

Nur Iffah Dayana binti Ezafel Ezudin Ridza

Pelatih Penyelidik dan Penulis Sejarah

Muhammad Ikhwan bin Wahidon

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Pengumuman tarikh pengisytiharan MPK dinaik taraf berstatus bandar raya menjadi topik utama media massa dan perbualan warga MPK pada awal tahun ini. Setelah sekian lama berusaha dan menunggu akhirnya sampailah detik yang ditunggu-tunggu, bandar Klang akan dinaik taraf menjadi Bandaraya Klang.

Dalam amanat tahun baharunya, bagi mencapai Bandaraya Idaman, YDP menyeru warga MPK memperkasa cara bekerja mereka agar kualiti kerja dapat ditingkatkan dan perkhidmatan asas perbandaran dapat dirasai serta disampaikan kepada warga Klang.

Alhamdulillah memasuki tahun ketiga penerbitannya, Warta Warisan MPK terus mendapat sambutan baik orang ramai.

Seyogia diingatkan bahawa Warta Warisan bukanlah buletin lidah rasmi MPK, sebaliknya adalah buletin yang memaparkan program atau aktiviti kebudayaan, kesenian, pelancongan berkaitan sejarah serta warisan di mana MPK terlibat sama atau menjadi penganjurinya.

Tahun ini dua ruangan baharu iaitu Asal Usul dan Jejak Warisan Bandaraya Diraja Klang akan menemui pembaca. Segmen Asal Usul akan mengisahkan asal nama sesuatu tempat manakala segmen Jejak Warisan Bandaraya Diraja Klang akan memperkenalkan laluan jejak warisan baru di Klang.

Moga buletin ini terus memberi manfaat kepada para pembaca.

*Faisal bin Dato' Haji Surani
Kurator*

Tinta Pena Kurator

Warta Warisan MPK diterbitkan oleh

Bahagian Warisan, Pusat Sumber MPK,
Pejabat Cawangan MPK Jalan Tengku Kelana,
Lot 175 Jalan Tengku Kelana, 41000 Klang,
Selangor Darul Ehsan.

Warta Warisan MPK Online

🌐 <https://www.mpklang.gov.my/ms/warta-warisan>

Kurator: +603 33758080

Pusat Sumber: +603 33758006

Faks: +603 33731978

Kajian Perancangan Pelan Induk dan Pra-Kelayakan Penjenamaan Semula Bandar Klang Menjadi Bandar Warisan Pintar

Klang, 11 Januari 2023 – Beberapa syarikat daripada Korea iaitu *Cheil Engineering Co. Ltd*, *KPMG Samjong* dan *Korea Water Resources Corporation (K-water)* telah melakukan lawatan kerja selama 5 hari ke Klang dari 9 hingga 13 Januari bagi menilai serta merancang pelan induk dan kajian pra-pelaksanaan bagi penjenamaan semula Klang menjadi Bandar Warisan Pintar.

Lawatan ini adalah lanjutan kepada hasil beberapa mesyuarat dan perbincangan antara perwakilan Korea Selatan dengan MPK sejak dua bulan lalu. Kawasan kajian melibatkan kawasan pusat bandar Klang selatan yang merangkumi laluan Jejak Warisan Bandaraya Diraja Klang.

Projek ini merupakan inisiatif bagi menaik taraf pelan asas Bandar Warisan Klang Selatan kepada Bandar Warisan Pintar sebagai sebahagian daripada projek pengiktirafan Klang sebagai Bandaraya. Konsep Bandar Pintar (*Smart City*) dilaksanakan bagi meningkatkan kecekapan operasi, perkongsian maklumat bersama orang ramai dan menyediakan perkhidmatan kerajaan dan kebajikan rakyat yang lebih berkualiti.



Rombongan delegasi Korea Selatan sedang meneliti penerangan projek Jejak Warisan Bandaraya Diraja Klang



Kurator MPK memberi penerangan ringkas tentang sejarah perkembangan Stesen Kereta Api Klang

Laporan Nur Iffah Dayana bt Ezafel Ezudin Ridza



Di pintu pagar utama Istana Alam Shah



Membuat tinjauan dan penelitian di Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz

Matlamat utama pelaksanaan konsep Bandar Pintar (*Smart City*) adalah untuk mengoptimumkan fungsi bandar dan menggalakkan pertumbuhan sosio-ekonomi di samping meningkatkan taraf serta kualiti hidup rakyat dengan penggunaan teknologi dan aplikasi pintar.

Lawatan kajian tersebut turut melibatkan Jabatan Perancang Bandar dan Desa MPK, Bahagian Pelancongan Jabatan Kemasyarakatan MPK dan Kurator MPK, Faisal Surani.

Antara lokasi yang dilawati dalam kajian ini adalah Bangunan Ibu Pejabat MPK, Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz, Stesen Kereta Api Klang, Jalan Raya Timur dan Istana Alam Shah. Kesemua lokasi ini berada dalam laluan Jejak Warisan Diraja, Jejak Warisan Pekan Lama, Jejak Pesona Selera Warisan dan Jejak Laman Seni Safari.



Amanat

YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN KLANG

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Selamat Pagi.

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana di pagi yang indah ini kita dapat berkumpul untuk menjayakan satu program majlis perhimpunan bagi yang julung kalinya untuk tahun 2023. Sepatutnya program-program ini diadakan secara lebih konsisten bagi setiap tahun oleh kerana ruang saya untuk berjumpa dengan warga kerja untuk menyampaikan amanat, visi dan misi organisasi kita sangat terhad. Jadi, saya amat menghargai jawatankuasa dapat mengaturkan perhimpunan kita pada pagi ini. Insya-Allah sebagaimana yang dibacakan di dalam doa kita semua mendapat berkat hasil daripada program ini.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Masih tidak terlewat untuk saya ucapkan Selamat Tahun Baru Masihi 2023, Selamat Tahun Baru Cina dan Selamat menyambut Bulan Rejab bagi kalendar Hijrah. Jadi, insya-Allah tarikh-tarikh penting ini dapat menjadi satu titik tolak kepada kita untuk memperbaharui azam dan selalu mendoakan kepada kawan-kawan, diri kita sendiri, dan keluarga kita. Mudah-mudahan tahun ini lebih baik pada tahun lepas, mudah-mudahan hari ini lebih baik daripada semalam dan esok lebih baik daripada hari ini.



**TPr. Hajah Noraini binti Roslan
Yang Dipertua Majlis Perbandaran Klang**

Alhamdulillah, Kerajaan Negeri telah pun meluluskan cadangan Majlis Perbandaran Klang untuk dinaik taraf kepada Majlis Bandaraya Klang. Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor juga telah memberi perkenan untuk Klang dinaik taraf kepada Bandaraya. Oleh itu, kita kena putuskan bahagian mana kawasan Klang ini yang kita betul nak sempadankan sebagai Bandar Diraja sebab Klang adalah Bandar Diraja. Tetapi untuk membawa keseluruhan kawasan pentadbiran Klang kepada Bandaraya Diraja agak tidak sesuai oleh kerana keperluan untuk menjaga entiti diraja itu lebih baik difokuskan kepada kawasan-kawasan Bandaraya yang bersejarah ini. Apabila keputusan mesyuarat sudah diputuskan kita boleh mengisytiharkannya.



Sebenarnya, kita telah menetapkan tarikh menjadi bandaraya pada 23 November 2023. Apa yang penting kepada kita ialah kita tahu bila kita nak capai. Sebab sesuatu matlamat kalau kita tetapkan tanpa ketetapan masanya akan jadi tidak menentu hala tuju dan kurang usaha ke arah tersebut. Sebagai kepimpinan masyarakat, sebagai organisasi yang menentukan kehidupan di Klang ini, setakat mana yang telah kita capai, kita boleh melakukan *benchmarking* dengan sasaran kita sendiri.

Saya percaya dengan iltizam dan keyakinan diri bahawa kita ni boleh. Saya sangat yakin bahawa perkara-perkara ini boleh dilakukan kerana saya yakin dengan kebolehan ketua-ketua jabatan di sini, saya yakin dengan kerjasama ahli-ahli majlis, saya yakin dengan kerjasama warga kerja MPK secara keseluruhannya.

Perkara ini memerlukan pengurusan, perlukan ilmu dan kekuatan, perlukan kerjasama nak jadikan Klang sebagai bandaraya. Kalau kita bekerja sebagai satu pasukan, bukan satu jabatan. Matlamat tak perlu banyak bersih, infrastruktur dan *outlook image*, landskap kena cantik dan *engineering*.

Kita ada kaedah tersendiri iaitu dengan melakukan penguatkuasaan dan kaedah untuk melakukannya perlu dicapai dalam masa terdekat sebelum pengisytiharan bandaraya. Insya-Allah kita sama-sama lakukan dan usahakan dan kita kana capai apa yang kita idam-idamkan. Matlamat kita jadi penjawat awam, matlamat organisasi untuk memberi perkhidmatan kepada masyarakat kepada satu kualiti yang terbaik untuk mengekalkan *sustainability* dan kemampunan akan dapat kita capai bersama-sama. Saya sudah ucapan saya pada pagi ini dengan dua rangkap pantun.

Pergi mengail di Tanjung Harapan,
Berteduh di bawah pohon bidara,
Apa pun kerja yang kita lakukan,
Amanah dipegang integriti dipelihara.

Bermain congkak di kawasan laman,
Sambil bermain ketawa girang,
Khidmat cemerlang teras kejayaan,
Moga MPK terus cemerlang.

Sekian, w.b.t. terima kasih.

**TPr. HAJAH NORAINI BINTI ROSLAN S.I.S., P.P.T.
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN KLANG**



Jejak Silat Klang

Luhur Budaya Alam Melayu



SILAT KOMBAT FOKUS MEMBENTUK ATLET

IKHWAN WAHIDON

Silat Kombat merupakan sebuah pertubuhan silat di Klang yang baru sahaja menjengah usia enam tahun. Pertubuhan ini diasaskan pada tahun 2017 oleh lima orang sahabat iaitu Aslam, Ammar, Alif, Zaquan dan Syafiqah. Mereka melihat di Klang tidak mempunyai pusat pembangunan atlet bagi sukan silat olahraga terutama bagi atlet yang mencintai sukan ini. Inisiatif ini ternyata membawa hasil apabila Silat Kombat berjaya mengumpulkan atlet daripada pelbagai perguruan silat sekitar Klang untuk berlatih bersama dan menyertai pertandingan silat.



Pesilat sedang membaca doa untuk membuka gelanggang sebelum memulakan latihan

Info Ringkas



PERSATUAN SENI SILAT
KOMBAT SELANGOR

Jurulatih
ASLAM

Hubungi:
018-3678747

Lokasi
TELUK PULAI

Waktu Latihan
JUMAAT 9.00 MLM





Ketua jurulatih bagi Silat Kombat, Encik Aslam yang sudah berkecimpung dalam dunia persilatan selama 20 tahun berkongsi pengalaman kepada ahli-ahli Silat Kombat bagi melahirkan atlet-atlet yang berdaya saing dan berkebolehan. Inti pati latihan Silat Kombat memfokuskan kepada pembangunan atlet yang meliputi aspek fizikal, teknik, taktikal dan mental. Gelanggang utama Silat Kombat terletak di Teluk Pulai dan latihan dijalankan pada hari Jumaat malam. Silat Kombat turut menganjurkan program pembangunan atlet yang sebelum ini pernah diadakan pada tahun 2018 di Cameron Highland.



Silat Kombat pernah bekerjasama bersama Tanjak Melayu Klang untuk membuat persembahan silat di Laman Seni Safari Klang dengan memakai busana Melayu semasa program Hari Tanpa Kenderaan Klang anjuran Majlis Perbandaran Klang pada 16 September 2022.



Antara pencapaian terbaik pertubuhan ini ialah semasa Pertandingan Silat Pra-SUKSES Daerah Klang 2019 dengan memenangi 10 emas dan 1 gangsa. Semasa Kejohanan Sirkit 1S1S Daerah Klang 2022, atlet-atlet Silat Kombat berjaya memenangi 7 emas, 1 perak dan 1 gangsa.

**"Klang ni
tidak ada
pusat
untuk
latihan silat
olahraga"**

~ A S L A M ~



Penulis bersama Jurulatih, Encik Aslam

Diskusi Simbol Bandaraya Diraja Klang

Klang, 20 Januari 2023 – Diskusi tentang logo Bandaraya Diraja Klang diteruskan lagi petang ini dengan perbincangan tertumpu pada elemen-elemen Diraja dan pemilihan warna logo.

Pada masa yang sama beberapa saranan dan cadangan TPr Hajah Noraini Roslan, YDP MPK, bulan lalu terhadap draf logo turut diambil kira.

Diskusi yang diadakan di Pejabat Kurator MPK dihadiri oleh Ts Dr Sharyzee Mohmad Shukri.

Perbincangan kali ini adalah untuk menyesuaikan beberapa perubahan pada elemen-elemen dan rona warna pada draf logo.



Diskusi Projek Penulisan Buku Mewah Warisan Diraja Selangor

Klang, 26 Januari 2023 – Pagi ini Pejabat Kurator menerima kunjungan dua orang wakil syarikat Bluedale Publishing iaitu Encik Lyndon Yap dan Encik Kadir Liyahudin.

Mereka berdua menyatakan hasrat untuk bekerjasama dengan MPK dan Pejabat DYMM Sultan Selangor bagi menerbitkan sebuah buku mewah tentang sejarah dan warisan negeri Selangor sebagai bahan cenderahati bagi pihak MPK dan Istana Selangor.

Menurut Lyndon, selain perpustakaan, syarikat Bluedale juga akan mengedarkan buku mewah ini di kementerian, jabatan serta agensi kerajaan di dalam dan luar negara. Buku ini juga akan berperanan untuk memperkenalkan institusi sejarah negeri dan Kesultanan Selangor kepada dunia luar.

Bagi tujuan itu, syarikat Bluedale ingin berkolaborasi dengan MPK serta ingin melantik Kurator MPK, Faisal Surani, sebagai penulis dan penyelidik projek penerbitan buku mewah ini.

Perbincangan banyak tertumpu kepada gerak kerja penerbitan, sumber dana, penyelidikan, pendekatan, tajuk dan pengisian buku berkenaan.

Kurator MPK menyambut baik hasrat Bluedale yang ingin bekerjasama dengan MPK dalam penerbitan buku mewah ini namun ia hendaklah mengikut prosedur betul.



Kurator mencadangkan agar pihak Bluedale membuat dan menyediakan kertas kerja atau slaid persembahan tentang cadangan kerjasama penerbitan buku ini dan membuat temu janji dengan YDP MPK dalam masa yang terdekat. Mereka juga diminta membawa beberapa naskah contoh penerbitan pihak Bluedale sebagai contoh dan rujukan YDP dan pihak MPK.



Jejak Warisan Bandaraya Diraja Klang



Klang, 16 Januari 2023 – Jejak Warisan Bandaraya Diraja Klang adalah salah satu segmen baharu yang diperkenalkan dalam buletin Warta Warisan mulai tahun ini.

Segmen ini bertujuan untuk memperkenalkan dan menerangkan kepada warga Klang, pengunjung serta pelancong tentang penjenamaan serta naik taraf program jejak warisan ini. Pada masa yang sama ia juga akan memperkenalkan laluan-laluan jejak warisan yang baharu, memberikan maklumat tentang tapak-tapak sejarah yang kurang dikenali serta tidak diketahui di sekitar Klang. Penerapan teknologi terkini serta pengalaman berbentuk interaktif juga akan diperkenalkan dalam program naik taraf ini kelak agar menjadi tarikan sampingan kepada pengunjung dan pelancong.



Majlis Perasmian Jejak Warisan Klang pada tahun 2010 di Stesen Kereta Api Klang



Pengenalan

Program Jejak Warisan Klang telah dilancarkan pada hari Jumaat, 25 Jun 2010 di Stesen Kereta Api Klang sebagai tarikan kepada pengunjung dan pelancong yang mengunjungi Klang. Ia merupakan projek kerjasama di antara Majlis Perbandaran Klang, Tourism Selangor, Pejabat Daerah dan Tanah Klang, Unit Perancang Ekonomi Selangor, Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor serta Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Selangor.

Laluan jejak warisan ini meliputi 24 buah tempat bersejarah di sekitar bandar Klang Selatan dan Utara.

Jejak Warisan Klang kini telah berusia hampir 13 tahun dan masanya telah tiba untuk jejak ini dinaiktaraf selaras dengan perkembangan zaman

dan juga penemuan maklumat-maklumat sejarah baru hasil penyelidikan sejarah Klang yang berterusan.

Pada masa yang sama Majlis Perbandaran Klang bakal mencapai status Bandaraya pada tahun ini. Sebagai Bandar Diraja, secara tidak langsung ia akan menjadikan Klang sebagai Bandaraya Diraja pertama di dunia. Naik taraf status ini bakal menjadikan Klang sebagai tumpuan orang ramai daripada pelbagai latar belakang, sama ada tokoh akademik, penyelidik, pemimpin negara hingga para pelancong yang mempunyai perasaan ingin tahu tentang Bandaraya Diraja. Menyedari hakikat ini, Majlis Perbandaran Klang pada tahun 2021 telah menjenamakan semula Jejak Warisan Klang sedia ada kepada Jejak Warisan Bandaraya Diraja Klang.

Klang, 21 Januari 2023 - Segmen Asal Usul adalah cetusan idea daripada penerbitan dokumentari *Ada Angin Ada Pokoknya*, sebuah dokumentari pendek bersiri yang menceritakan bagaimana sesebuah tempat mendapat namanya, terbitan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) dengan kerjasama Kurator MPK.

Segmen penulisan santai ini akan memaparkan kisah asal usul nama sesebuah tempat di Selangor termasuk Kuala Lumpur dan khususnya di Lembah Klang. Kisah-kisah ini banyak diperolehi daripada sumber lisan, selain catatan rekod lama dan penyelidik.

Bulan ini Asal Usul akan dimulai dengan bagaimana Klang mendapat namanya.

Klang Bahagian 1

Klang sebagai sebuah petempatan lama sudah tentu mempunyai sejarah yang panjang. Namun sesuatu yang jarang diperkatakan adalah tentang asal usul nama Klang itu sendiri. Bagaimana Klang mendapat namanya?

Ada pelbagai versi menarik tentang asal nama Klang. Segmen Asal Usul akan memaparkan setiap satu versi berkenaan setiap bulan. Bulan ini akan memaparkan versi pertama kisah asal usul nama Klang.

Menurut cerita lisan daripada orang-orang tua, Klang mendapat namanya berdasarkan nama Raden Kelang iaitu putera Sultan Mansur Syah, Sultan Melaka dengan isterinya Raden Galuh Cendera Kirana, puteri Betara Majapahit. Raden Kelang dikatakan dihantar ke Klang menjadi pemimpin di situ. Justeru itu namanya diabadikan di Klang sebagai memperingati Raden Kelang.

Berdasarkan Hikayat Melayu atau Sulalatus Salatin karya Tun Sri Lanang pada tahun 1612, diketahui versi cerita ini tidak betul. Menurut hikayat ini Sultan Mansur Syah berhajat untuk merajakan Raden Kelang menggantikan baginda kerana bonda Raden Kelang, Raden Galuh Cendera Kirana adalah Raja Perempuan Besar Melaka.

Hajat Sultan Mansur Syah tidak kesampaian apabila sewaktu Raden Kelang berjalan di sebuah kampung berlaku peristiwa orang mengamuk di pasar. Kebetulan Raden Kelang yang berada di situ telah bersedia berdepan dengan orang mengamuk itu dan berlakulah bertikam keris antara mereka berdua. Malangnya kedua-dua mereka telah terkorban dalam peristiwa ini.

Asal Usul



Raden Kelang – grafik hiasan

Raden Kelang telah dimakamkan di Melaka dan hikayat ini tidak menyebutkan Raden Kelang hendak dijadikan pemimpin di Klang oleh ayahandanya Sultan Mansur Syah.

Selain itu, Klang telah pun wujud ribuan tahun lebih dahulu, malah sebelum kewujudan Empayar Sriwijaya yang lebih awal daripada Majapahit serta Kesultanan Melayu Melaka dan telah pun mempunyai institusi kepemimpinan bertaraf penghulu.

Berdasarkan dua fakta tersebut di atas, maka sudah pasti versi cerita lisan ini tidak benar.

Rujukan:

Abdul Samad Ahmad (Penyelenggara); *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*; Dewan Bahasa dan Pustaka; 2000.

Laman Jawi /

Transliterasi Surat:

Surat Sultan Selangor kepada Francis Light berkaitan urusan haji

این کو قتولس اخیلاصی سوچ فوتے هایت یائیت درف خضره دی یقعد فرتوں یئع مھلیا
 سمايم دیا شن تحت سگسکن کی جان دالم نکلی سلاعو دار الخصوصی بار عدھنیکی تو هنی روز عالیز
 افاده لیکارڈ کند صحبتہ کیت کو برخور یعنی هم نتھکن دالم نکری فولو فینیغ یعنی امت استیاون دان
 بوكاسیکسیهان انتارا صحبتہ بر صحبتہ مکد مشتمل دی ورت احسنی لکن تیغ ۲ نکلی ی پعلاین
 و بعد کم دین درف دایرہ مکد ادا کیت میو هکن کی ماعیل ایت دعنی ساق تو حفن ۲ مندا فنکل
 صحبتہ کیت کنی حال کفع او غ فنا یؤج یعنی کیت فنتو تمفیکن کند صحبتہ کیت دھو را ملین کن
 سکاخ این جکلو ملبت لاکی ای دافت تمعانی ملین کن صحبتہ کیت دو هکنل ای مکبایی دھور
 کسلاعو بوسام ۲ دعنی کو دارا ایت کی ماعیل ایا مکل کیت کنی عمبا وان کسلاعو کاران
 خبور دی هندو منتی کافل دری چیز کم دین جکلو د کفل لالو کبیکان بولھم کیت دو هکن
 ای مکبایی کفولو فینیغ مندا فنکن صحبتہ کیت ک دعنی صحبتہ کیت جوک لاممکنی منتفیکن ای
 سبکی لایی اد تیم سدیکت ۲ دی باوار اشتھیی رکمال با خادر و السلام فاریح ۱۲۰۱

Al-Shams wa al-Qamar

Ini surat tulus ikhlas serta suci putih hati iaitu daripada khadrat Duli Yang Dipertuan Yang Maha Mulia semayam di atas tahta singgasana kerajaan di dalam negeri Selangor Darul Khusus barang disampaikan Tuhan seru alam apalah kiranya kepada sahabat kita Gobernor yang memerintahkan di dalam negeri Pulau Pinang yang amat setiawan dan berkasih kasihan antara sahabat bersahabat maka masyhurlah warta ihsannya kepada tiap2 negeri yang lain

wa ba'dahu kemudian daripada itu maka adalah kita menyuruhkan Si Semail itu dengan satu sampan2 mendapatkan sahabat kita akan hal seperti orang penaik haji yang kita pinta tumpangan kepada sahabat kita dahulu melainkan sekarang ini jikalau lambat lagi ia dapat tumpangan melainkan sahabat kita suruhkanlah ia kembali dahulu ke Selangor bersama2 dengan saudaranya itu

Si Semail ialah wakil kita akan membawanya ke Selangor kerana khabarnya ia hendak menanti kapal dari Cina kemudian jikalau ada kapal lalu ke Bengala bolehlah kita suruhkan ia kembali ke Pulau Pinang mendapatkan sahabat kita serta dengan sahabat kita jugalah menumpangkan ia sebagai lagi ada timah sedikit2 dibawanya

intaha al-kalam bi al-khair wa al-salam tarikh sanah 1201

Kulit luar surat:

Cap mohor Raja Selangor

Raja Selangor
27 Julai 1787

Sumber: Arkib Negara Malaysia
 Transliterasi Jawi:
 Perpustakaan Universiti Sains Malaysia

Kenali Warisan



Cawangan Repositori dan Pengembangan Jabatan Warisan Negara

Cawangan ini berfungsi untuk memulihara dan memelihara artifak arkeologi melalui penyediaan pusat repositori serta pengkalan data arkeologi dan bertanggungjawab mengemaskini inventori tapak-tapak arkeologi seluruh Malaysia.

Selain itu ia juga berperanan untuk memberi khidmat kepada arkeolog dan sokongan untuk pemuliharaan dan pemeliharaan tapak hingga ke peringkat perlindungan dan pewartaan Warisan atau Warisan Kebangsaan.

Objektif

Bahagian ini berperanan melaksanakan penyelidikan serta kerja-kerja pemuliharaan dan pemeliharaan relik arkeologi, tapak dan objek arkeologi di Malaysia, sama ada di daratan atau di bawah air.

Selain itu ia akan memastikan warisan arkeologi negara di seluruh Malaysia, sama ada dalam bentuk tapak dan objek boleh alih, dikenalkan melalui aktiviti memulihara dan memelihara berdasarkan Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Meningkat kesedaran terhadap usaha-usaha pembangunan, galeri, pengembangan aktiviti pemuliharaan warisan secara terancang dan bersistematis sama ada di peringkat tempatan atau global.

Sumber: Jabatan Warisan Negara



Pemuliharaan artifik



Serpihan tembikar China antara artifak yang ditemui di Kota Raja Mahadi